

**TEKS UCAPAN  
NAIB CANSOLOR  
MAJLIS PERASMIAN PAMERAN  
KEMERDEKAAN KE 50 PERINGKAT  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2007  
23HB OGOS 2007  
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR  
Majlis Perasmian  
Pameran Kemerdekaan Peringkat UMS 2007  
23 Ogos 2007  
Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah



Yang Berusaha Puan Dg Rukiah Ag Amit,  
Pemangku Timbalan Ketua Pustakawan UMS,

Timbalan-Timbalan Naib Canselor dan Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan Universiti Malaysia Sabah,

Para pemimpin pelajar, para jemputan, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh dan Selamat Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapatlah kita bersama-sama berada di majlis perasmian Pameran Kemerdekaan Peringkat Universiti Malaysia Sabah 2007.

Saya bagi pihak Universiti Malaysia Sabah amat mengalu-alukan usaha dan inisiatif seperti ini dan berharap agar program sebegini dapat dijalankan setiap tahun bagi tujuan meningkatkan kesedaran dan semangat patriotisma di kalangan warga universiti. Ini penting kerana dengan melihat dan mengimbau sejarah perjuangan dan pengorbanan tokoh-tokoh pemimpin negara dan juga individu sebelum, semasa dan selepas kemerdekaan maka ianya akan menginsafkan kita betapa berharganya nilai kemerdekaan itu untuk dipelihara dan dipertahankan oleh kita dan pewaris generasi seterusnya.

Semoga jasa dan sumbangan bakti mereka ini akan menjadi contoh ikutan kepada kita semua dalam mengisi kemerdekaan ini dengan memberi sumbangan yang diperlukan ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan negara seperti yang dicita-citakan. Sesungguhnya usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, kemakmuran dan keharmonian negara Malaysia adalah menjadi tanggungjawab kita bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kita telah melalui zaman selepas kemerdekaan dengan berbagai peristiwa pahit dan manis. Dan yang terbaru ialah, di saat kita hampir meraikan sambutan 50 tahun kemerdekaan, kita telah dikejutkan dengan isu mempermainkan lagu kebangsaan kita. Walaupun ada sebilangan kecil menganggap perkara ini sebagai sesuatu yang remeh, tetapi impaknya adalah terlalu besar bagi pejuang kedaulatan Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Kita tidak mahu kejadian seperti ini berulang lagi. Maka oleh sebab itulah kesedaran tentang sejarah kemerdekaan perlu sentiasa disemarakkan, agar ianya terus kekal subur di jiwa sanubari setiap insan yang bergelar sebagai rakyat Malaysia. Kesedaran ini akan mendorong kita untuk sama-sama menunjukkan rasa patuh dan taat setia kita kepada negara berasaskan prinsip perlembagaan dan Rukun Negara dan tidak akan samasekali mengkhianatinya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kemerdekaan disambut setiap kali tibanya tanggal 31 Ogos setiap tahun. Sebagaimana umur kita meningkat setiap kali tiba tarikh lahir kita maka begitu jugalah dengan umur kemerdekaan negara kita. Mungkin kita biasa bertanya pada diri kita apakah yang telah kita capai untuk diri dan keluarga pada usia kita 50 tahun atau tahun-tahun sebelumnya. Jarang sekali kita bertanya apakah jasa dan sumbangan kita kepada Negara kita setiap kali tibanya hari kemerdekaan, walaupun pada hakikatnya kita secara sedar atau tidak sedar, langsung atau tidak langsung, turut membantu memajukan negara kita ini mengikut peranan dan kemampuan masing-masing. Cuma dengan membangkitkan persoalan tadi akan dapat menilai sejauhmanakah jasa dan sumbangan kita selama ini dan akan terus berusaha untuk lebih berbakti dengan hati yang penuh ikhlas di masa masa yang akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dalam kita menyambut Hari Kemerdekaan Ke-50 tahun, kita tidak seharusnya melupakan mereka yang memerlukan bantuan. Saya mendapat tahu bahawa satu Kempen Derma Darah atau Blood Donation akan di adakan sempena sambutan ini. Oleh itu, kita mahu semua pihak samada kakitangan mahupun mahasiswa/siswi Universiti Malaysia Sabah untuk turut serta dalam kempen ini. Sesungguhnya bantuan sebegini juga adalah merupakan suatu bentuk jasa pengorbanan kita kepada rakyat di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,



Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa Pameran Kemerdekaan Peringkat Universiti Malaysia Sabah 2007 yang dipelopori Perpustakaan UMS dengan kerjasama Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Non-Resident (NR). Diharapkan dengan adanya kegiatan seperti ini akan mampu menyemarakkan lagi suasana sambutan kemerdekaan. Dan yang lebih penting ialah penghayatan terhadap kemerdekaan dan pengisian kemerdekaan dalam usaha membawa negara kita Malaysia menjadi sebuah negara bangsa yang kekal merdeka dan berdaulat, harmoni dan bersatu padu, terus maju dan makmur, dihormati dan disegani di mata dunia . Di kesempatan ini juga saya turut mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Negara Kita yang ke-50 tahun, dan dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu "Malaysiaku Gemilang" , marilah kita sama-sama bertekad dan berazam untuk menjadi warga universiti dan rakyat Malaysia yang lebih cemerlang dalam menyumbang kepada kegemilangan negara kita yang tercinta mengikut peranan dan kemampuan yang ada pada kita masing-masing.

Maka dengan itu, sukacitanya dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM, saya merasmikan Pameran Kemerdekaan Peringkat UMS 2007.

Sekian, Terima Kasih

PROF. DATUK DR. MOHD NOH BIN DALIMIN